

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 17/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 33
Tajuk : Kemboja pilih ANGKASA

HUBUNGI SKUAD TEMERLOH: ROSILAWATI ROSEDI - 019-9886381 / 019-9882695

Kemboja pilih Angkasa

Malaysia model terbaik bantu masyarakat luar bandar

ROSilAWATI ROSEDI

KUALA LIPIS

Kemboja menjadikan Malaysia sebagai model terbaik untuk pembangunan masyarakat luar bandar di negara itu.

Ia menerusi kerjasama yang bakal terjalin dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa) bagi membantu masyarakat luar bandar di negara itu keluar daripada kemiskinan.

Timbalan Menteri Luar Bandar Kemboja, H. E Math Mara berkata, pemilihan negara ini berikutan kejayaan



Math Mara (tengah) dan Abdul Fattah (dua, kanan) ketika sesi penerangan sebelum delegasi dari Kemboja memulakan lawatan.

Malaysia membangunkan penduduk luar bandar melalui agensi seperti Felra dan Felcra.

Menurutnya, kerana ketiadaan agensi khas di Kemboja, gerakan koperasi seperti Angkasa dilihat sebagai satu platform terbaik untuk pembangunan masyarakatnya.

"Kita telah memilih 10 kampung bagi mewujudkan koperasi dan berharap kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Angkasa ini dapat membantu Kemboja," katanya. Beliau berkata demikian selepas lawatan delegasi negara itu bersama Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah

Abdullah, semalam.

Sementara itu, Abdul Fattah mengalu-alukan kerjasama terbabit dan sedia menyalurkan pengalaman dan bantuan Angkasa kepada negara itu.

Menurutnya, melalui peranan Malaysia yang juga Presiden Organisasi Koperasi



Math Mara (lima, kiri) menerima cenderamata ketika kunjungan ke Kuala Medang, Turut sama ialah Abdul Fattah (empat, kanan).

si Asean (Aco), Angkasa melihat sektor pertanian dan modal pembangunan insan antara prospek gerakan koperasi di negara berkenaan.

"Setakat ini kita difahamkan terdapat 800 hingga 1,000 koperasi di negara itu.

"Kita akan mengkaji dan mengenal pasti potensi kam-

pung yang bakal terlibat di sana selain mereka yang boleh dibimbing untuk menjadi penggerak dalam koperasi terbabit.

Abdul Fattah turut menjangkakan usahasama antara kedua negara boleh dilaksanakan sepenuhnya tahun depan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA